

# KEMPEN ALAM SEKITAR

Oleh RAMLAH ZAINAL

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Kakitangan Akademik Sunway (SASA) dengan kerjasama Persatuan Seni Lukis Kolej Sunway (SOAR) mengadakan kempen bagi membantu pemuliharaan alam sekitar dengan menggalakkan penggunaan bahan guna semula.

Kempen itu dilakukan melalui penjualan koleh, sapu tangan, kad ucapan dan bingkai foto yang diperbuat daripada kertas guna semula.

Kempen itu diketuai Dr Lan Boon Leong dengan menggalakkan pelajar menggunakan koleh diperbuat daripada kertas, sapu tangan daripada kertas tisu serta kerap menggunakan kertas guna semula yang lain.

Presiden Sasa, yang juga Penasihat Soar, Tan Siew Kiat berkata, Sasa akan melaksanakan pendekatan tiga serampang membabitkan penggunaan semula, pengurangan penggunaan bahan yang mengancam alam sekitar dan merawat bahan bu-

angan toksik daripada makmal sains.

"Kami mahu semua orang terbabit dan kita adalah contoh kepada generasi muda," katanya.

Beliau berkata, langkakah Kolej Sunway itu membuktikan usaha untuk mengekalkan alam sekitar masih penting dan daya usaha perlu diambil agar ia tidak hanya dipikul segelintir masyarakat.

Kempen itu berjaya mengutip hampir RM-1,000 dan akan digunakan bagi membiayai projek alam sekitar pada masa depan.



Ingin tahu...Pelajar dan kakitangan Kolej Sunway berbincang sebelum memulakan kempen.



Daya kreativiti...Pelajar Kolej Sunway menyumbang sesuatu untuk alam sekitar.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.**